

07 MAR 2002

Samy-Gaji

KABINET MINTA LAPORAN TERPERINCI GAJI BULANAN

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah meminta satu kertas Kabinet terperinci mengenai gaji bulanan bagi pekerja ladang getah.

Samy Vellu berkata, isu gaji bulanan itu telah ditimbulkan oleh beliau pada mesyuarat Kabinet semalam dan Perdana Menteri telah meminta satu kertas Kabinet dengan maklumat lebih terperinci mengenai hal itu.

Input yang diperlukan akan disampaikan kepada Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn agar membolehkan kertas kabinet yang lebih terperinci disiapkan untuk perhatian kabinet, katanya.

"Saya percaya dan berharap tidak lama lagi Mapa (Persatuan Pengeluar Pertanian Malaya) akan memberi perhatian kepada nasib pekerja ladang getah di negara ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) MIC di ibu pejabat parti, di sini.

Bulan lepas Fong berkata, Kementerian itu akan campurtangan dalam rundingan antara Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang (NUPW) dan Persatuan Pengeluar-Pengeluar Pertanian Malaya (MAPA) sekiranya isu gaji bulanan pekerja ladang getah gagal diselesaikan sehingga pertengahan bulan ini.

Samy Vellu berkata sektor perladangan getah merupakan industri yang strategik di negara ini dan jika perhatian tidak diberikan Malaysia yang kini turut mengimport getah terpaksa mengimport dalam jumlah yang lebih besar.

Sejumlah 61 peratus pekerja ladang getah adalah rakyat tempatan dan selebihnya buruh asing. Daripada jumlah rakyat tempatan itu, 51 peratus terdiri daripada orang Melayu dan 48 peratus kaum India.

Alasan Mapa menolak gaji bulanan seperti kedatangan harian pekerja akan berkurangan tidak boleh diterima kerana sektor ladang sawit yang menikmati gaji bulanan sejak tahun lepas tidak menghadapi sebarang masalah.

Samy Vellu berkata mesyuarat CWC juga memutuskan untuk menulis surat kepada Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad untuk mempertimbangkan permintaan MIC supaya memberi bantuan penuh kepada semua sekolah Tamil. Setakat ini 35 peratus daripada 522 sekolah Tamil telah mendapat bantuan penuh kerajaan.

Beliau berkata peruntukan khas juga akan diminta bagi pembinaan sekolah Tamil baru serta memperbaiki keadaan sekolah-sekolah Tamil di seluruh negara yang masih berada dalam "keadaan yang tidak beberapa sesuai".

Mengenai pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Ketari yang bakal diadakan, Samy Vellu berkata MIC telah menubuhkan lima kumpulan kerja di bawah satu jawatankuasa bagi mendapatkan sokongan 907 (5.22 peratus) pengundi kaum India untuk Barisan Nasional (BN).

Kerusi Ketari kosong berikutan kematian wakilnya Datuk Loke Koon Kam pada Ahad lepas.

-- BERNAMA

RV AHH PR